

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **Industri Kecil dan Sederhana (IKS)** di Malaysia.*

Panjangnya huraian hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan perniagaan yang mengusahakan produk makanan, kraf tangan dan pertanian. Sehingga hari ini, lebih satu juta pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah menyumbang sebahagian besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri ini juga dapat dijadikan sebagai daya tarikan pelancong.

Sumber: Internet



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Sebagai bakal pekerja, anda seharusnya menerima hakikat bahawa era globalisasi membawa perubahan aliran pemikiran. Pekerja yang cemerlang perlu memiliki beberapa ciri penting seperti mampu bekerja secara berpasukan, mahir berkomunikasi dan menepati masa.

Sumber: *Berita Harian Online*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan ciri-ciri pekerja yang cemerlang.

2

Membaca karya sastera seperti novel, cerpen, puisi dan drama bukan sekadar hiburan bahkan dapat mengisi masa terluang. Karya sastera memiliki aura tersendiri untuk memberikan pengajaran kepada pembaca mengharungi cabaran dalam kehidupan. Oleh itu, penulis mempunyai tanggungjawab dan amanah yang sangat besar di bahu mereka.

Sumber: *www.sinarharian.com.my*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kebaikan-kebaikan membaca karya sastera kepada masyarakat.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

3

Syair Guru

Inilah kisah kerjaya mulia,
Mendidik mengajar selagi terdaya,
Ibarat lilin memberi cahaya,
Bukan balasan harta pintanya.

Tiada guru yang buruk sikapnya,
Menjadi teladan mulia hatinya,
Senang merujuk tempat bertanya,
Semua yang kusut lerai akhirnya.

Ghazali Lateh
Dewan Sastera, Mei 2006

Syair di atas menyatakan tanggungjawab seorang guru kepada muridnya.
Huraikan tanggungjawab-tanggungjawab tersebut.

4

Pemanasan global ialah peningkatan suhu atmosfera bumi secara berterusan sejak tiga dekad yang lalu. Pemanasan global ini berlaku disebabkan oleh tindakan manusia itu sendiri seperti penebangan hutan, pelepasan gas rumah hijau dan pembangunan yang tidak lestari.

Sumber: *Harian Metro Online*

Berdasarkan petikan di atas, huraikan faktor-faktor pemanasan global yang berlaku di serata dunia.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT